

Undang-undang buruh peninggalan British

BOM YANG MEJAJAHANAM EKONOMI

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mensifatkan undang-undang buruh sekarang sebagai 'bom jangka' peninggalan British yang boleh menjahanamkan ekonomi negara.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu Perhimpunan Agung UMNO Malaysia, undang-undang tersebut ditonjol bulat-bulat dari undang-undang buruh yang diamalkan di Britain.

Kita menggunakan undang-undang tersebut, katanya, tanpa mengambil kira kesannya kerana ketika itu negara baru sahaja mencapai kemerdekaan.

Ketika berucap dalam perbahasan ke atas usul Pemuda UMNO mengenai buruh, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata perkembangan yang berlaku di negara ini sekarang menjadikan undang-undang itu tidak sesuai lagi.

Undang-undang buruh di Britain, menurutnya, sesuai di sana kerana wujudnya kemajuan dan kepakaran di lapangan perindustrian negara itu.

"Sungguhpun begitu undang-undang buruh di Britain itu ternyata buruk dan negara tersebut telah menjadi lumpuh akibatnya, dan akhir-akhir ini ia tidak dihormati lagi," ujarnya.

Malaysia, katanya, sebagai negara yang baru memasuki lapangan perusahaan akan menerima kesan yang lebih buruk lagi jika undang-undang buruh sekarang tidak dikeji semula.

Katanya, "Memandangkan negara kita mengamalkan sistem demokrasi, kita tidak boleh berbuat apa-apa melainkan setelah mendapat sokongan rakyat."

Dalam usaha memperbetulkan undang-undang ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "Kita tidak boleh ketepikan peranan besar yang dimainkan oleh majikan, dan sebarang kajian ke atas undang-undang

Sekitar Perhimpunan Agung UMNO ke-30. Dari kiri: NORDIN MOHAMAD, RASINAH MOHAMAD dan JAMALUDDIN ABU BAKAR.

Lagi foto-tala menarik di Muka 4 dan 10.

buruh yang baru metilah, mengandungi tentang kemajuan para majikan.

Datuk Seri Dr. Mahathir menarik perhatian, di zaman belum ada kesatuan sekerja, majikan menggunakan kuno "hire and fire" ke atas pekerja yang menyebabkan kaum pekerja sentiasa berada dalam kebimbangan terhadap nasib masa depan mereka.

Menurutnya, manamana pekerja yang tidak mengikut syarat-syarat yang dikenakan, sewenang-wenangnya dibuang kerja.

Oleh itu, lambahnya, undang-undang yang melindungi para pekerja adalah penting di negara ini.

Zaman penjajah dahulu, katanya, tidak membenarkan perubahan kesatuan sekerja di negara ini, dan keadaan ini berubah disaat Malaya mencapai kemerdekaan. Ketika itu barulah British menggalakkan perubahan kesatuan sekerja kononya berdasarkan hak asasi manusia dan demokrasi.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengharapkan kaum pekerja menyedari segala manfaat yang mereka nikmati sekarang adalah hasil dari usaha-usaha Kerajaan.

Beliau memberi contoh pemecahan MSA kepada MAS — jika MAS tinggal sebagai MSA — bilangan pekerja-pekerja dan jurutera tempatan tidak akan bertambah.

"Tetapi kerana politik UMNO, kita telah memecahkan MSA dan menubuh MAS untuk memberi peluang pekerjaan kepada orang-orang kita. Malangnya, bila disuruh mogok oleh orang-orang tertentu, ramai yang sanggup terima arahan itu tanpa perosaran insaf bahawa tanpa usaha UMNO, mereka tak akan dapat kerja."

No Siri 2128
No Penerimaan 304/82

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia